



UJIAN BERTULIS
DISEMBER 2020

PENDIDIKAN ISLAM 45

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2020 PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU PUAN HABSAH

3/4 JAM

ARAHAN

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu
2. Tulis nama dan kelas anda di ruang yang disediakan
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
BAHAGIAN A	20 SOALAN	20	
BAHAGIAN B	1	10	
	2	10	
BAHAGIAN C	3	20	
BAHAGIAN D	4	20	
BAHAGIAN E	5	10	
	6	10	

NAMA:

GILIRAN/KELAS :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

TERHAD

BAHAGIAN A
(20 markah)

Soalan 1 hingga Soalan 20

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. **Bulatkan** jawapan yang betul.*

1. Berikut adalah adab berzikir **kecuali**
 - A. Menghadap kiblat
 - B. Berzikir dengan kuat
 - C. Berzikir dengan tenang
 - D. Memahami maksud lafaz zikir
2. Kita hendaklah mencontohi _____ yang membantu Rasulullah saw ketika orang lain menentanginya.
 - A. para sahabat
 - C. kaum kerabat
 - B. para syuhada
 - D. As-sabiqun Al-awwalun
3. Antara cara memelihara kehormatan diri adalah
 - A. Bercakap perkataan yang baik.
 - B. Memperbanyakkan amalan puasa
 - C. Menyesal atas dosa yang dilakukan
 - D. Berazam tidak mengulangi perbuatan dosa
4. Turutan bagi fasa kehidupan manusia ialah
 - I Tua
 - IV Remaja
 - II Mati
 - V Dewasa
 - III Kanak-kanak
 - A. I-II-III-IV-V
 - C. III-V-IV-I-II
 - B. II-III-V-IV-I
 - D. IV-V-I-III-II
5. Lemah bermaksud
 - A. Hilang kewarasan akal
 - B. Tidak berani menghalang sesuatu
 - C. Meninggal sesuatu yang mampu dilakukan
 - D. Meninggalkan sesuatu yang tidak mampu dilakukan

6. Antara contoh sifat harus bagi rasul ialah
 - A. Siddiq
 - B. Tabligh
 - C. Amanah
 - D. Makan
7. Berlaku selepas tiupan sangkakala yang pertama . Pernyataan di atas merujuk kepada
 - A. Alam barzakh
 - B. Kemusnahan alam..
 - C. Kebangkitan semula.
 - D. Perhimpunan di Mahsyar
8. _____ ialah kesan beriman kepada qada dan qadar dari sudut akidah.
 - A. Tekun beribadah
 - B. Bersyukur atas nikmat Allah
 - C. Sabar dan redha atas musibah
 - D. Mengelak diri daripada syirik.
9. Hukum menguruskan jenazah adalah
 - A. Sunat
 - B. Wajib
 - C. Fardhu ain
 - D. Fardhu kifayah
10. Mendapat keredhaan Allah ialah hikmah pensyariatan zakat terhadap
 - A. Pemberi
 - B. Penerima
 - C. Masyarakat
 - D. Negara
11. Berikut ialah amalan sunat semasa menyambut Aidilfitri **kecuali**
 - A. Datang awal ke masjid
 - B. Makan selepas solat sunat hari raya
 - C. Memakai pakaian terbaik
 - D. Menghidupkan malam dengan takbir dan doa
12. Antara kelebihan orang yang mengamalkan qiamullail ialah
 - A. Doa dimakbulkan Allah SWT
 - B. Mengeratkan silaturrahim.
 - C. Dimudahkan jalan ke syurga.
 - D. Malaikat memayungi sayap untuknya.
13. Solat tahiyyatul masjid dilaksanakan
 - A. Bila-bila masa
 - B. Sebelum solat fardhu
 - C. Ketika waktu dhuha
 - D. Setiap kali masuk ke dalam masjid

14. Berikut ialah hikmah menunaikan solat hajat **kecuali**
- A. Mendidik jiwa agar redha dengan ketentuan Allah.
 - B. Meraih pahala ketika berada di dalam masjid.
 - C. Memberi ketenangan kepada jiwa yang keluh kesah
 - D. Melatih diri agar berharap kepada pertolongan Allah ketika senang atau susah
15. Kuniyah Bilal ialah
- A. Abu Abdullah
 - B. Abu Sulaiman.
 - C. Abu Muhammad
 - D. Abu Abdul Rahman

Beliau merupakan sahabat yang paling alim dalam ilmu halal haram.

16. Siapakah sahabat yang dimaksudkan di atas
- A. Bilal bin Rabah
 - B. Muaz bin Jabal
 - C. Khalid bin Al-Walid
 - D. Abdul Rahman bin Auf
17. Siapakah sahabat yang meninggal dunia ketika usia remaja ?
- A. Bilal bin Rabah
 - B. Muaz bin Jabal
 - C. Khalid bin Al-Walid
 - D. Abdul Rahman bin Auf

18.

Ingat dan puji Allah	Bersangka baik dengan Allah swt
----------------------	---------------------------------

Penyataan di atas ialah

- A. Hikmah bersyukur.
 - B. Cara bersyukur melalui hati
 - C. Cara bersyukur melalui lisan
 - D. Cara bersyukur melalui perbuatan
19. Antara ciri orang bersyukur adalah
- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> I. Bersifat qanaah II. Menjadi pemurah | <ul style="list-style-type: none"> III. Menepati waktu. IV. Sentiasa bertawakkal |
|---|--|
- A. I dan II C. I, II dan IV
 B. I dan IV D. I, III dan IV

Allah swt berfirman, “Apabila datang orang fasik dengan khabar berita, maka pastikanlah kesahihannya terlebih dahulu.”

20. Ayat di atas sesuai dengan kempen
- A. Siasat sebelum sebar.
 - B. Anda bijak jauhi zina
 - C. Dadah membawa padah.
 - D. Rasuah memusnahkan negara.

